

# Persatuan nelayan harap projek O&G tak jejaskan kualiti air laut

BH 27/04/24 MIS 17

Pen Mutiara masih tunggu tindakan penyusunan laluan kapal, pelan lain

Oleh Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara) berharap tiada aktiviti pemprosesan yang boleh mendatangkan pencemaran terhadap kualiti air laut susulan projek penerokaan minyak dan gas (O&G) baharu oleh PETRONAS di Lembangan Langkasuka di kawasan utara Selat Melaka.

Pengerusinya, Ibrahim Che Ros, berkata pihaknya sudah dimaklumkan mengenai projek penerokaan berkenaan oleh Jabatan Perikanan negeri akhir tahun lalu yang ia terletak 30 batu nautika

dari perairan Pulau Pinang, iaitu berhampiran sempadan antarabangsa.

"Bagi saya, projek ini sama seperti diusahakan di perairan di Terengganu dan ia tidak menjejaskan kira-kira 5,000 nelayan pantai di negeri ini kerana sudah dekat dengan sempadan antarabangsa dan kebanyakan nelayan memang jarang ke sana.

"Nelayan di sini hanya mencari hasil laut antara 15 ke 20 batu nautika. Jika ada sekalipun, hanya dalam 10 peratus sahaja ke sana, itu pun mereka membawa pemancing kerana kawasan itu menjadi daya tarikan aktiviti memancing.

"Bagaimanapun, kita berharap apabila projek O&G itu dilaksanakan kelak, tiada aktiviti pemprosesan yang boleh menjejaskan kualiti air laut memandangkan pelantar minyak dibangunkan seterusnya mengancam kehidupan marin," katanya kepada BH, semalam.

Ibrahim berkata, semua pengerusi kawasan, ketua unit nelayan dan pengusaha bot dimaklumkan

mengenai perancangan projek itu, termasuk kajian mengenainya sudah siap dan diterangkan kepada pihaknya.

"Cuma sekarang kita tunggu tindakan seterusnya, iaitu mengenai penyusunan laluan kapal serta pelan lain yang akan dikemukakan kelak yang dikatakan akan dikemasukan kepada kami dari semasa ke semasa.

"Hal ini penting, kerana nelayan nak pastikan bahawa kawasan pencarian hasil laut pada ketika ini tidak terjejas, di samping negara dapat menjana sumber pendapatan melalui kawasan O&G yang baharu," katanya.

## Kementerian pantau

Terdahulu, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam akan melakukan pemantauan lanjut penerokaan O&G baharu PETRONAS di Lembangan Langkasuka di kawasan utara Selat Melaka.

Ia susulan kebimbangan dibangkitkan badan pemantau RimbaWatch mengenai kemungkinan implikasi dicetuskan projek pene-



Lokasi blok terbuka PM320 dan PM321 Lembangan Langkasuka.

(Foto ihsan PETRONAS)

rokaan yang mana jaraknya hanya 30 kilometer (km) dari Pulau Pinang dan 20km dari Langkawi.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad dilaporkan, berkata beliau difahamkan projek itu ketika ini masih pada peringkat eksplorasi dengan proses pemantauan dijalankan dari semasa ke semasa.

RimbaWatch dalam kenyataannya sebelum ini khawatir dengan penerokaan O&G itu bukan sahaja menjejaskan tanggungjawab mitigasi Malaysia, malah mengancam kepelbagaiannya kehidupan biologi marin pantai serta menjejaskan mata pencarian masyarakat nelayan serta pelancongan tempatan.